



MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SEMINAR PRODUKTIVITI PERINGKAT NEGERI SELANGOR SEMPENA TAHUN PRODUKTIVITI 2008

UCAPAN ALUAN

**YG. BHG. DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) RISDA
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN MAWADDAH, PEJABAT RISDA NEGERI SELANGOR
SHAH ALAM, SELANGOR
16 DISEMBER 2008
3.15 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik
Pengerusi RISDA

Yang Dihormati En. Nasarudin bin Malek
Pengarah RISDA Negeri Selangor

Pn. Wan Kamariah bt Wan Muhammad
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Selangor

Pegawai dan warga RISDA Selangor

Tuan-tuan dan Puan-puan Pekebun Kecil yang dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian Seminar Produktiviti Pekebun Kecil Negeri Selangor Tahun 2008. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain.

3

Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Pengerusi RISDA melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha memperkasakan pekebun kecil dan sama-sama membantu negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

4

Saya juga mengambil peluang di sini untuk mengalu-alukan kedatangan semua pekebun kecil dari seluruh Selangor dan pastinya Majlis pada hari ini memberi pengertian yang cukup besar kepada RISDA khususnya dalam meningkatkan dan memperbaiki taraf hidup pekebun kecil di Negeri Selangor, khasnya kearah mensasarkan pendapatan melebihi RM 2000 sebulan bagi seisi keluarga.

5

2.0 Tujuan Pelancaran Tahun 2008 sebagai Tahun Produktiviti

Tujuan Pelancaran Tahun 2008 sebagai Tahun Produktiviti adalah untuk:

- 2.1 Meningkatkan hasil melebihi 2000 kg sehektar setahun bagi getah dan 20 metrik tan sehektar setahun bagi sawit.
- 2.2 Meningkatkan pendapatan pekebun kecil ke tahap RM 2000.00 sebulan sekeluarga pada penghujung RMK 9.

6

- 2.3 Mewujudkan satu pembudayaan aktiviti khidmat pengembangan getah dan sawit matang di kalangan pekebun kecil.
- 2.4 Mempergiatkan aktiviti khidmat pengembangan kepada golongan sasar khasnya dibawah kategori produktiviti getah dan sawit matang.

3.0 Pendekatan Kearah meningkatkan produktiviti kebun

- i. Meningkatkan hasil setorehan sepokok atau g/t/t daripada 35 gram ke 60 gram melalui penggunaan klon yang baik.
- ii. Amalan Pertanian yang baik

7

- iii. Penggunaan baja dan alat rangsangan
- iv. Menambahkan bilangan hari menoreh dari 11 hari ke 15 hari sebulan
- v. Meningkatkan kepadatan pokok bertoreh daripada 353 pokok sehektar ke 500 pokok sehektar

4.0 PENUBUHAN KELAB 2000 DAN KELAB 30

Bermula tahun 2007, RISDA telah menubuhkan Kelab 2000 untuk getah dan Kelab 30 untuk sawit bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural

8

Practices) untuk meningkatkan produktiviti getah dan sawit. Tuan-tuan dan Puan-puan yang berjaya mencapai penghasilan yang tinggi diterima menjadi ahli kelab 2000 bagi getah dan Kelab 30 bagi sawit.

Setakat ini, seramai 3,715 orang pekebun kecil telah menjadi ahli kelab dengan penghasilan kebun melebihi 2,000 kg/hek/tahun untuk getah. Manakala untuk sawit, seramai 84 orang telah menjadi ahli kelab 30 mt/hek/tahun.

Di Negeri Selangor terdapat 36 orang pekebun kecil yang telah berjaya menjadi ahli Kelab 2000 dan Kelab 30MT dan pada hari

9

ini, seramai 12 orang akan menerima Sijil pada hari ini. Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka.

5.0 Insentif kepada Ahli Kelab

Ahli Kelab diberi beberapa insentif dan kemudahan yang disediakan oleh RISDA. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Diberi keutamaan untuk menyertai seminar, bengkel atau sebagainya yang dianjurkan oleh RISDA.
- ii. Berpeluang untuk menyertai program lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berfaedah.

- iii. Diberi keutamaan untuk membeli benih-benih tanaman baru yang disediakan oleh RISDA
- iv. Memberi peluang untuk menerima anugerah sebagai pekebun kecil dan ahli kelab terbaik.
- v. Menjadi tenaga pengajar kepada peserta kursus teknologi anjuran RISDA yang dijalankan di Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK).
- vi. Memberi kemudahan untuk mengadakan R & D di kebun mereka
- vii. Memberi keutamaan menerima apa-apa bantuan yang disediakan oleh RISDA

11

- viii. Mewar-warkan kejayaan mereka dalam media RISDA

6.0 Penutup

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, pengerusi RISDA pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ybhg. Tan Sri atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga para jemputan serta pekebun kecil yang hadir. Juga kepada En Nasarudin bin malek, Pengarah RISDA Selangor serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras

12

untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah ,
Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**